

15 JUN 1997

Mahathir-Aseania

DR MAHATHIR LAKUKAN UPACARA PECAH TANAH ISTANBUL METROCITY

Oleh: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 15 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melakukan upacara pecah tanah projek metrocity Istanbul di sini yang merupakan usahasama antara firma Malaysia dan pemaju Turki.

Aseania International Ltd, syarikat yang diperbadankan di Labuan dan sebuah syarikat berkaitan, Aseania Development Sdn Bhd, akan menjalankan projek bernilai AS\$200 juta (RM500 juta) itu bersama Yuksel Insaat A.S.

Terdahulu pada sebelah pagi, Dr Mahathir menghadiri sidang kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8) yang bertujuan memupuk kerjasama ekonomi lebih erat di kalangan negara membangun.

Yang turut hadir pada upacara pecah tanah itu ialah Presiden Suleyman Demirel dan Pengerusi Eksekutif Aseania Musa Sheikh Fadzir.

Projek Metrocity meliputi kawasan seluas 46,388 meter persegi dengan dua menara, kawasan pejabat di sebuah menara seluas 16,422 meter persegi dan pusat membeli-belah di empat tingkat seluas 52,092 meter persegi.

Projek itu merupakan yang pertama dilaksanakan di seberang laut bagi Aseania Group of Companies. Ia terletak di Buyukdere Caddesi, pusat perniagaan utama di bandaraya yang bersejarah ini.

Sebanyak 178 unit kondominium akan dibina di dua menara.

Aseania Development Sdn Bhd, yang diperbadankan pada 17 Mac, 1989 ialah 100 peratus syarikat milik Bumiputera.

Syarikat itu telah membina lebih 10,000 unit hartanah di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Pahang bernilai RM250 juta. -- BERNAMA

MOK FAZ